

UPACARA PEMBUKAAN PAMERAN
MUZIUM NEGARA, KUALA LUMPUR

26 NOVEMBER 1982

Assalamu 'alaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Yang Berhormat Dato Sanusi Junid, Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar;

Yang Berhormat Datuk Abdullah Ahmad Badawi, Pemangku Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan;

Yang Berbahagia Tan Sri Abdul Samad Idris, Pengerusi Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia;

Tetamu-Tetamu Kehormat; dan

Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian.

Saya berasa bangga kerana dijemput untuk membuka Pameran 'Wicitra 82' ini dan berterima kasih di atas peluang untuk melihat sendiri hasil kraftangan di Pameran ini.

2. Pameran kerajinan tangan yang diadakan dapat dilihat daripada beberapa sudut. Pertamanya, kraftangan merupakan satu seni yang menggambarkan alam pemikiran dan budaya masyarakat. Keduanya kraftangan mempunyai kegunaan sehari-hari selain daripada berfungsi sebagai barang hiasan semata-mata. Ketiganya, berhubung dengan aspek-aspek seni dan kegunaannya, kraftangan boleh dilihat sebagai bahan ekonomi dan perdagangan yang dapat menghasilkan pendapatan. Dalam dunia moden kraftangan harus dilihat dari ketiga-tiga sudut ini. Dan saya harap Pameran ini dapat mendedahkan semua pihak kepada aspek-aspek ini.

3. Masyarakat Malaysia, khususnya masyarakat bumiputera di desa, memang terkenal dengan kesenian dan kraftangannya. Tahap seni dan kemahiran ini bukan sahaja dapat dilihat pada ukiran barang-barang perak, tembaga, keramik, anyaman, wau, gasing dan lain-lain, bahkan pada perahu, rumah dan bangunan. Adat istiadat masyarakat seperti peminangan, perkahwinan dan lain-lain pun dihiasi dengan berbagai rupa bentuk kemahiran tangan yang bermutu tinggi. Buktinya adalah amat nyata bahawa masyarakat kita adalah masyarakat berjiwa seni dan berkemahiran. Tetapi, sayangnya kita belum menerokai secara agresif dua aspek yang saya telah sebutkan iaitu aspek-aspek kegunaan dan ekonomi, iaitu perkara yang berkait rapat dengan perdagangan.

4. Kraftangan adalah sumber pendapatan. Ia mempunyai nilai ekonomi. Ada negara yang dapat menjadikan kraftangan sebagai pendapatan negara. Perusahaan kraftangan memang merupakan sumber pendapatan dalam masyarakat kita. Malangnya ia boleh dikatakan terhad kepada pasaran dalam negeri sahaja dan diusahakan tanpa kesungguhan mengikut konteks keperluan ekonomi moden. Saya yakin, kraftangan kita mempunyai potensi untuk menjangkau pasaran dunia sekiranya kita menyesuaikan sistem pengeluaran serta pasarannya mengikut keperluan masa.

5. Sekarang adalah masa yang sesuai untuk kita semua memikirkan cara-cara meningkatkan pengeluaran dan mutu kraftangan kita. Penduduk luar bandar terutamanya mempunyai masa lapang yang banyak untuk ditumpukan kepada kemajuan industri kraftangan. Sebahagian dari mereka terlibat dengan kerja-kerja bermusim seperti menanam padi sekali setahun, kerja-kerja yang tidak banyak memerlukan pengawasan seperti kelapa dan kelapa sawit, dan kaum wanita pula boleh menggunakan masa yang terluang untuk kerja-kerja kerajinan tangan ini.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan sekalian,

6. Kerajaan sekarang sedang menggalakkan pembukaan industri-industri kampung yang lebih tersusun, termasuklah perusahaan kraftangan. Usaha-usaha ini akan diselaraskan oleh Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, bersama-sama dengan agensi-agensi berkenaan yang lain termasuk perbadanan-perbadanan pembangunan wilayah.

7. Tujuan utama menggalakkan industri kampung ialah untuk meningkatkan pendapatan masyarakat kampung melalui penggunaan masa lapang mereka secara produktif. Di samping itu, industri ini boleh meningkatkan kefahaman masyarakat desa mengenai selok-belok perniagaan serta peranan wang dalam pembangunan. Industri kampung juga dapat mengurangkan penghijrahan pemuda-pemudi kita dari desa ke bandar. Sekiranya usaha-usaha tidak disusun dari masa ke semasa, kita akan mengalami kekurangan tenaga pekerja untuk mengusahakan bendang dan ladang di kampung-kampung. Gejala ini juga akan menyebabkan bilangan penduduk di bandar bertambah dengan cepat sehingga tertumbuhlah kawasan-kawasan setinggan yang sesak, kotor dan mencemar kehormatan.

8. Untuk mencapai objektif ini, industri kraftangan perlulah disusun supaya sesuai dengan kehendak dan cara pemasaran moden. Zaman ini ialah zaman "mass consumption" iaitu penggunaan barang secara besar-besaran. Kalau dahulu sudah memadai jika kita menyediakan beberapa barang mengikut kelapangan dan keselesaan

kita dan barang ini dijual bila-bila sahaja di bandar yang berdekatan, sekarang ini perniagaan secara sambilan ini sudah tidak lagi boleh dimajukan. Sekarang ini pasaran memerlukan barang yang bentuknya mengikut selera pembeli, dalam kuantiti yang banyak, dan disedia untuk dipasar mengikut jadual. Pekan yang berdekatan bukan lagi pasaran utama. Dunia adalah pasar yang sebenar. Keuntungan dalam perdagangan moden tidak bergantung kepada perbezaan yang besar antara modal dengan harga jualan tetapi kepada "volume" atau besarnya perniagaan dalam sesuatu barang atau bidang.

9. Ada perbezaan yang besar antara pengeluar dan peniaga runcit atau "retailer". Pengeluar mungkin dapat peratusan untung yang kecil berbanding dengan peniaga runcit. Tetapi perasaan iri hati dan tertipu tidak patut timbul dalam hati pengeluar. Peratusan keuntungan pengeluar mungkin kecil tetapi kerana "volume" yang besar jumlah keuntungan akan menjadi besar akhirnya. Sebaliknya peratusan yang besar yang diperolehi oleh peruncit tidak akan membesar jumlah keuntungannya kerana bilangan yang dapat dijual tidak mungkin besar. Di samping itu belanja peruncit tetap lebih besar.

10. Faktor-faktor ini perlu diterangkan supaya perdagangan kraftangan akan meningkat. Selagi selok-belok perniagaan di zaman moden ini tidak difahami maka selama itulah kraftangan dan industri kampung akan berada dalam keadaan hidup segan mati tak mahu.

11. Kerajaan tidak bertujuan melalui agensi-agensinya untuk dengan sendirinya membangunkan industri-industri kampung dengan orang-orang kampung hanya sebagai pekerja sahaja. Kerajaan tidak akan menyediakan tapak, menyediakan mesin, menyediakan bangunan, menyediakan kakitangan pengurusan, kenderaan, pemasaran dan sebagainya, seperti kilang-kilang swasta di kawasan perindustrian di mana orang-orang kampung bekerja sebagai buruh sahaja. Tujuan sebenar ialah supaya orang-orang kampung sendiri memiliki dan mengendalikan perusahaan mereka sama ada sebagai usaha perseorangan, perkongsian atau sebagai syarikat atau koperasi. Jika Kerajaan terpaksa mengadakan industri sendirinya, ini ialah sebagai contoh yang sementara sahaja.

12. Kerajaan akan melibatkan diri secara tidak langsung seperti mengenalpasti perusahaan yang sesuai, mengenalpasti sumber-sumber, mengkaji tempat dan kemampuannya, menyediakan jurulatih di mana perlu, melatih kemahiran pengurusan, menyediakan sumber pinjaman apabila pinjaman swasta tidak diperolehi, dan mungkin juga membekalkan bantuan awal berhubung dengan pengurusan.

Kerajaan akan menubuhkan industri-industri tunjang atau 'core industries' bagi melakukan kerja-kerja awal dan penyudah bagi pengeluaran barang-barang tertentu. Misalnya, industri tunjang itu terlibat dengan pemotongan buluh dan rotan dan penggalian tanah liat sebagai kerja awal, dan kerja penyudah pula termasuklah pembungkusan hasil keluaran yang siap untuk diperdagangkan, dan pembelian barang-barang yang dihasilkan dari orang kampung atau koperasi atau syarikat kampung.

13. Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar akan menubuhkan satu 'agensi pemasaran pusat' di Kuala Lumpur. Agensi ini akan terlibat dengan rekabentuk hasil buatan, pembelian hasil buatan yang mematuhi standard tertentu, sama ada secara terus atau melalui industri-industri tunjang, mempamer, dan memasarkan di pasaran tempatan dan luar negeri. Agensi ini akan bertanggungjawab membuat kajian pasaran, kajian permintaan, kehendak pelanggan dan pembeli dan galakan atau 'promotion'. Saya berharap agensi ini akan dikendalikan oleh kerajaan hanya untuk beberapa ketika sahaja dan akhirnya agensi ini akan dikendalikan sebagai usaha perdagangan. Saya yakin usaha serius kerajaan ini akan menarik perhatian dan diberi sambutan yang sewajarnya oleh penduduk kampung untuk kepentingan mereka dan juga negara.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

14. Memperkatakan tentang mutu barang buatan ini, saya sangat berbangga dengan usaha Kraftangan Malaysia yang akan memberi kemudahan kepada pengiktirafan mutu, atau 'hallmark', hasil buatan perak. Pengiktirafan mutu ini akan menempatkan barangan perak kita ke tahap persaingan yang kukuh. Saya berharap mulai hari ini pengusaha-pengusaha perak akan mengeluarkan barang-barang perak yang bermutu supaya hasil-hasil itu dapat diberikan tanda mutu atau 'hallmark' oleh Kraftangan Malaysia.

15. Dalam ucapan Yang Berbahagia Tan Sri Abdul Samad sebentar tadi, beliau telah menyentuh tentang usaha Kraftangan Malaysia untuk menubuhkan satu Pusat Dayacipta, khusus untuk kraftangan. Saya menyokong usaha ini dan saya berharap usaha ini dapat dilaksanakan dalam konteks industri kampung seperti yang saya sebutkan tadi.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan sekalian,

16. Saya berharap Pameran ini akan menanam semangat di kalangan kita semua untuk memajukan lagi perusahaan kraftangan di

Malaysia. Saya juga berharap pameran ini akan menjadi tumpuan ibu-bapa dan anak-anak semasa cuti sekolah ini.

17. Dengan harapan ini, saya dengan sukacitanya membuka Pameran 'Wicitra 82' ini dengan rasminya.

Wabillahi taufik walhidayah, wassalamu 'alaikum warahmatullahi wabarakatuh